



Kepada:

Semua anggota
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 69

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 69 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 28 Jun 2024 (Jumaat) bersamaan 21 Zulhijjah 1445 Hijrah
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Arena, Stadium Sultan Abdul Halim
Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar
Kedah Darul Aman

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 pagi.
3. Agenda Mesyuarat;
 1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
 2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke 69.
 3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 68 yang telah diadakan pada 27 Mei 2023.
 4. Memilih 3 orang Anggota Lembaga Koperasi. Anggota Lembaga Koperasi berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 36(1) Undang-Undang Kecil Koperasi:
 1. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
 2. Zabidi bin Ahmad
 3. Roshamidi bin Othman
 5. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2023.
 6. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya.
 7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

8. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2025:
- i. Kredit
 - ii. Stesen Petronas Alor Setar
 - iii. MyTayar (Koservis)
 - iv. Stesen Caltex Changloon
 - v. Ar Rahnua Alor Setar
 - vi. Ar Rahnua Guar Chempedak
 - vii. Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
 - viii. Perniagaan Gas Petron
 - ix. Stesen Minyak Petron Alor Sena, Perlis
 - x. Stesen Minyak Buraqoil, Kuala Nerang
 - xi. Stesen Minyak Petron Changloon
 - xii. Ar Rahnua Arau, Perlis
 - xiii. Modal/Aset
9. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2024 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.
10. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pembiayaan wang tidak lebih daripada RM30 juta dengan kadar keuntungan tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pembiayaan tersebut tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
11. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan–Aturan Koperasi.
13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.
4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada Setiausaha Koperasi tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.
5. Semua anggota boleh melayari laman sesawang www.kopkedah.com.my untuk mendapatkan maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke 69.

Dengan Perintah Lembaga,



.....
(ZABIDI BIN AHMAD)
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Kedah,
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN